

LIVE THE DIFFERENCE

JIDIL 4, 2016



TEMUI
KEHEBATAN
DIRI ANDA!

TRANSFORMING
YEARS



KANDUNGAN

- 04 KISAH BERTEMA**
Temui Kehebatan Diri Anda!
- 06 INDIVIDU**
Segalanya Mengenai Saya!
Hidup Dengan Lebih Muda!
- 08 PRODUK**
PENJAGAAN KULIT:
Temui Daya Untuk Menjadi Saya!
PENJAGAAN KESIHATAN:
Daya Untuk Menentang Usia Anda!
- 12 BUDAYA**
Memberi Yang Terbaik Untuk Masa Depan
- 14 PELUANG**
Snapshots



04



06



08



10

12

Nu Skin (Malaysia) Sdn Bhd (402787-V)
License No. AJL 931384
Lot 01-05, Level 1, PNB Darby Park Retail
10 Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur
Tel: 603 2170 7888 Fax: 603 2170 7999
www.nuskin.com.my



فوسكين فارمازنيكس (بتي) سنديزين بحد
NuSkin Pharnex (B) Sdn Bhd
D2, Blk D, Lot 11620, Jalan Gadong
Bandar Seri Begawan BE1718
Brunei Darussalam
Tel: 673 2 422 225 Fax: 673 2 422 226
www.nuskin.bn

TEMUI KEHEBATAN DIRI ANDA

Meletakkan dirinya sebagai Peneraju Anti-Penuaan dalam industri Jualan Langsung, Nu Skin menolak sebarang stereotaip yang menyamakan proses penuaan dengan memperlakukan aktiviti kehidupan. Dengan sains yang hebat dan produk yang inovatif, Nu Skin telah mewujudkan satu legasi yang menggapai masa depan yang terulung dengan sains termaju, pelancaran produk yang mengagumkan dan peluang-peluang perniagaan lain dari yang lain!


Sedang manusia menuju ke arah era baru yang moden, mereka mahukan yang terbaik dalam tahun-tahun kehidupan mereka. Mereka mahu kelihatan lebih baik dan berasa lebih baik. Manusia mahukan daya untuk mengawal jangkawaktu penuaan. Mereka mahu kelihatan, merasa dan hidup dalam keadaan muda dengan lebih lama! Tiada masa yang lebih baik daripada sekarang untuk berada di barisan hadapan dalam gelombang kesihatan dan anti-penuaan. Penumpuan terhadap trend baru ini, digabungkan dengan peluang perniagaan Nu Skin yang unik dan penemuan sains proprietari ageLOC®, membuka satu peluang baru dan luar biasa seumur hidup.

Hari demi hari, setiap hari, dalam setiap cara, Nu Skin terus komited kepada inovasi sains dengan menyediakan peluang-peluang pertumbuhan dan perniagaan bagi orang ramai untuk mempunyai perniagaan mereka sendiri dan juga berkongsi produk yang mereka minati. Dibina di atas komitmen yang bermula kira-kira 30 tahun yang lalu, di mana pengasas syarikat telah menggabungkan produk penjagaan diri yang inovatif daripada bahan-bahan yang baik, Nu Skin terus maju selangkah lagi ke hadapan dengan menggunakan inovasi saintifik terkini dalam pembangunan produk.

Berlandaskan penyelidikan hebat yang memakan masa bertahun-tahun serta kerjasama dengan ahli-ahli sains terkemuka, sains ageLOC® adalah satu pendekatan revolusi yang mengubah cara orang ramai kelihatan apabila meningkat usia! Produk ageLOC® adalah satu-satunya rangkaian produk dalaman dan luaran yang dibangunkan menggunakan sains proprietari anti-penuaan Nu Skin yang mensasarkan tanda-tanda penuaan. Gandingan sinergi di antara produk penjagaan kulit dari luar ke dalam serta pemakanan tambahan bernutrisi dari dalam ke luar, menghasilkan formulasi yang sempurna - kunci kepada menjalani kehidupan lebih muda lebih lama!

Mendapat inspirasi daripada sains genetik anti-penuaan dan penyelidikan lebih daripada 30 tahun, Nu Skin telah mentakrif semula teknologi penjagaan kulit anti-penuaan dan kesihatan seperti yang anda tidak pernah lihat, rasa atau bayangkan! Menampilkan peluang eksklusif ageLOC® untuk membantu orang ramai hidup lebih muda lebih lama, ageLOC® Me dan Pek ageLOC® YOU-SPAN adalah dua pakej penjagaan kulit anti-penuaan dan makanan tambahan yang termaju yang pertama dalam produk seumpamanya yang mensasarkan punca penuaan dan mengekalkan keremajaan. Dengan penemuan anti-penuaan berevolusi baru dan unik ini, produk ageLOC® terus membuktikan bagaimana Nu Skin yang didorong oleh impian untuk terus berkembang, sentiasa menyediakan peluang perniagaan baru bagi para Pimpinan Jualannya.

Sebagai pakar di dalam meletakkan proses penuaan pada tempatnya, Nu Skin menukar idea-idea baru, trend dan sains kepada kesihatan, kecantikan dan kebebasan. Walaupun selepas lebih daripada 30 tahun dalam perniagaan dan beroperasi di lebih 50 pasaran di seluruh dunia, Nu Skin masih kekal dan komited kepada misinya dengan secara konsisten memperbaiki kehidupan, membantu orang ramai untuk mengejar cita-cita mereka, merintis minat mereka dan menemui potensi sebenar diri mereka. Hidup berteraskan satu set nilai dan didorong oleh impian, untuk akhirnya membantu anda, pasukan anda, dan pelanggan anda untuk Temui Kehebatan Diri Anda.



SEGALANYA MENGENAI SAYA!

Stail anda, personaliti anda serta kulit anda, semua ini merupakan ciri-ciri anda yang unik.

Jadi, ketika memilih produk penjagaan kulit, bukankah ianya sepatutnya unik seperti anda?

ageLOC® Me merupakan sebuah solusi yang pertama seumpamanya dan boleh dikhususkan. Ianya adalah satu produk anti penuaan yang melambangkan era produk penjagaan kulit yang akan dating – sebuah solusi penjagaan kulit yang dikhususkan kepada anda, oleh anda!



“Bagi saya, ageLOC® Me adalah satu hadiah. Sekian lama saya mencari produk penjagaan kulit yang bersesuaian dengan kulit saya, dan kini, ia telahpun muncul. Saya amat gembira serta bersyukur dengan ageLOC® Me dari Nu Skin ini! Tiada lain yang dapat memuaskan kulit saya melainkan ‘Me’! ”

- ANNIE WOO

“Sejurus-jurnya, saya tidak dapat mencari mana-mana frasa untuk menerangkan ageLOC® Me. Ia amat menakjubkan! Ia adalah sebuah pengkhususan, mudah dan menjimatkan masa. Dengan mempunyai produk ini, saya boleh meluangkan lebih masa untuk menjaga cucu-cucu saya! ”

- MRS. YAP PECK KONG



“Saya amat kagum dengan menemuan innovasi baru ini, iaitu ageLOC® Me. Ia adalah gabungan Sains Genetik dengan rekabentuk yang menjulang anugerah; ia adalah sebatian Pemikiran Inovatif dan Sentuhan Manusia yang Peribadi; ia adalah Tradisi 30 tahun bersama dengan Pengkhususan Atas Talian yang Maju. Ia adalah sebuah innovasi yang tidak dapat diinterpretasi! Bayangkanlah potensi dalam tangan anda! ”

-WILLING TAN



“ageLOC® Me - Segalanya Mengenai Saya. Kini, saya boleh kelihatan lebih muda dengan innovasi terbaru ini. Ia adalah solusi anti penuaan yang sempurna bagi saya. Keyakinan diri dan keanggunan dalam diri kita adalah aset yang terbaik. ageLOC® Me membantu memanjangkan tempoh penampilan yang muda, memberikan saya peluang untuk ‘Discover The Best Me! ageLOC® Me adalah pilihan saya, anda bagaimana? ”

- EVELYN LAI

HIDUP DENGAN LEBIH MUDA!

Disokong oleh hasil penyelidikan anti penuaan sebanyak 30 tahun, Pek ageLOC® YOU-SPAN merupakan suplemen anti penuaan Nu Skin yang terkini.

Produk revolusi ini bukan sahaja membantu memulihkan mekanisme pertahanan penuaan anda, malah ia membantu menggalakkan tempoh keremajaan – tempoh yang anda boleh menikmati untuk menjadi lebih aktif, bertenaga dan sihat!

“Saya boleh kekal muda, aktif dan cergas seperti seorang remaja. Saya suka perasaan ini! Hidup saya mesti ada Pek ageLOC® YOU-SPAN. ”

- JOHN CHONG

“Pek ageLOC® YOU-SPAN membekalkan saya kekal maju dalam sukan yang diminati! Saya berasa muda dan tidak letih mengharungi cabaran! ”

- JASMINE LOW



“Dengan adanya Pek ageLOC® YOU-SPAN, saya tidak lagi risau dengan usia saya yang akan meningkat kerana kekal muda adalah dalam jangkaan! Saya percaya, yang saya masih dapat membuat ‘planking’ sehingga usia 80 tahun! ”

-ELLA TAN

“Saya tidak lagi risau untuk menjadi tua dengan adanya Pek ageLOC® YOU-SPAN! Saya tahu yang saya boleh kekal aktif dan menjalani kehidupan yang berwarna-warni! ”

-WYNNIE TAN

TEMUI DAYA UNTUK MENJADI SAYA!

Kita semua mempunyai rutin kecantikan kita sendiri. Kebanyakan daripada kita mempunyai rutin penjagaan kulit yang kita ikuti disebabkan oleh tabiat - dan apa yang anda lakukan adalah mengulangi langkah-langkah yang sama hari demi hari. Tetapi bagaimana jika di sepanjang kehidupan anda, anda telah menggunakan rutin penjagaan kulit yang salah dan mengulangi semua langkah-langkah yang salah?

Setiap daripada kita adalah individu unik yang mempunyai keperluan tersendiri. Gaya, keperibadian dan kulit anda adalah ciri-ciri yang unik. Oleh itu, apabila ia melibatkan rejim penjagaan kulit anda, ia sepatutnya unik, seunik anda! Sekarang bayangkan rejim penjagaan kulit anti-penuaan yang dipadankan hanya untuk anda sahaja. Anda mungkin mempersoalkan "silap mata jenis apa ini!" Tidak, tiada ada apa-apa silap mata yang terlibat, tetapi hanya teknologi canggih yang terkini!

Mendapat inspirasi daripada sains genetik anti-penuaan dan penyelidikan lebih daripada 30 tahun, Nu Skin telah mentakrif semula teknologi penjagaan kulit anti-penuaan seperti yang anda tidak pernah lihat, rasa atau bayangkan! Menampilkan teknologi ageLOC® untuk mensasarkan punca penuaan dan mengekalkan ketramplian remaja, ageLOC® Me adalah penyelesaian untuk penjagaan kulit yang dipadankan yang pertama seumpamanya. Satu produk anti-penuaan mengagumkan yang mewakili era seterusnya bagi penjagaan kulit - penjagaan kulit yang dipadankan oleh anda, untuk anda!



ageLOC® Me adalah peranti yang mengandungi serum, pelembap siang dan malam yang digabungkan bersama dalam satu sistem anti-penuaan. Menggunakan teknologi revolusioner untuk menghasilkan penjagaan kulit yang dipadankan dengan jenis kulit, gaya hidup, masalah kulit dan keutamaan anda. Sistem penjagaan kulit ini akan memberikan apa yang anda perlukan, bila anda perlukannya, dalam jumlah yang tepat. Yang paling menarik, rejim peribadi ini berupaya menghasilkan keputusan yang konsisten dengan efektif supaya anda boleh menjimatkan masa anda yang berharga itu tetapi pada masa yang sama masih boleh menikmati hasil daripada rejim penjagaan kulit yang canggih.

TEKNOLOGI YANG DIMULTI-PATEN

Nu Skin mencipta ageLOC® Me, satu sistem penyampaian yang menyimpan, menggabung dan menyampaikan produk-produk penjagaan kulit anda melalui teknologi yang dilindungi oleh beberapa paten. Katrij tanpa angin yang digunakan ageLOC® Me dan cara mereka menyampaikan serum dan pelembap adalah inovasi produk yang unik. Peranti ini juga menawarkan penyebaran secara bersih, yang merupakan satu kejayaan dalam penjagaan kulit. ageLOC® Me secara automatik dapat mengesan tangan anda dan menyampaikan secara tepat dosej serum dan pelembap setiap hari siang dan malam. Jadi tidak perlu lagi mencelup jari jemari anda ke dalam sebarang bekas, hanya tadah tangan anda di bawah peranti ini untuk mendapatkan serum dan pelembab anda!



SERUM AGELOC® ME

Serum ini mensasarkan pelbagai kebimbangan tentang penuaan, seperti penampilan garis-garis dan kedutan, tona kulit tidak sekata, saiz liang romah dan banyak lagi. 3 katrij khusus untuk anda akan bergantung kepada keperluan penjagaan kulit yang anda perlukan seperti yang diserahkan melalui penilaian kulit anda. Gabungan 3 katrij berasingan ini akan menyampaikan bahan-bahan yang lebih aktif berbanding sebelum ini, memberikan anda manfaat penjagaan kulit yang terbaik dipadankan dengan keperluan khusus anda.

ageLOC® Me mewujudkan suatu pendekatan baru untuk penjagaan kulit anti-penuaan yang dipadankan. Hebat tetapi mudah untuk digunakan, ageLOC® Me menyampaikan lima produk anti-penuaan yang berkuasa, dipilih secara suai padan daripada kira-kira 2,000 kombinasi rejim yang berkemungkinan. Menghasilkan satu rejim yang diselaraskan, dipermudahkan kepada anda, menjadikan rutin penjagaan kulit lebih mudah dan menyeronokkan! Jadi ucapkan selamat tinggal kepada bilik mandi yang dipenuhi dengan botol dan balang; dan ucapkanlah hello kepada reka bentuk anggun ageLOC® Me!

PEMADANAN PERIBADI

Hanya dengan menjawab beberapa soalan menggunakan aplikasi ageLOC® Me Skin Assessment, anda boleh menyesuaikan keperluan produk penjagaan kulit anda dengan mengambil kira persekitaran anda, jenis kulit, jenis kebimbangan penuaan dan pilihan peribadi untuk menentukan set produk tertentu dari hampir 2000 kombinasi. Sukakan wangian dalam pelembap anda? Anda boleh memilih untuk memasukkannya. Anda juga boleh memasukkan atau meninggalkan SPF dari Day Moisturizer, dan memilih faedah dalam serum yang ingin dicapai yang terbaik dan paling sesuai dengan anda. Di akhir penilaian, anda akan menerima kod rejim penjagaan kulit yang tepat dan dipadankan dengan anda sendiri, eksklusif hanya untuk anda!

AGELOC® ME DAY & NIGHT

Formulasi Siang dan Malam direka untuk bekerja bersama-sama bagi menyediakan penghidratan yang menyeluruh. Pelembap membantu meningkatkan perolehan sel untuk memperbaiki tekstur dan menyerlahkan kulit yang lebih licin, lebih lembut. Melalui penilaian kulit ageLOC® Me, anda boleh memadankan pelembap anda dengan pelbagai kriteria seperti aroma, tekstur dan Sun Protection Factor (SPF).

DAYA UNTUK MENENTANG USIA ANDA!

Mengekalkan kesihatan yang baik dan bebas daripada sebarang penyakit yang mungkin menghadkan aktiviti fizikal kegemaran anda atau gaya hidup yang dikehendaki adalah keutamaan yang tinggi dalam senarai hampir semua orang di seluruh dunia. Sekarang terdapat 2 jenis penuaan di luar sana - mereka yang menjalani proses penuaan yang tipikal, seperti susu rosak; dan mereka yang menjalani proses penuaan yang 'anggun' dan 'berjaya', seperti wain yang enak.



Ramuan ajaib anti-penuaan terdapat di mana-mana hari ini. Jadi anda mencari penyelesaian yang lebih baik secara natural dan menyimpan stok jus dan makanan hijau supaya anda kelihatan muda dan sihat. Ia mungkin berjaya, tetapi, berapa banyakkah buah-buahan dan sayur-sayuran yang anda boleh makan dari hidangan harian yang disyorkan untuk anda itu? Tubuh manusia adalah satu perkara yang ajaib. Sepanjang jangka hayat anda, tubuh anda secara semula jadi belajar, berkembang dan dapat memperbaiki dirinya sendiri. Yang utama dalam mengekalkan keremajaan adalah untuk memberi tubuh anda apa yang diperlukan supaya ia boleh terus melakukan apa yang ia dicipta untuk lakukan - hidup muda.

Disokong oleh penyelidikan ekspresi gen anti-penuaan selama lebih daripada 30 tahun, pendekatan saintifik anti-penuaan proprietari Nu Skin tidak seperti yang lain di dunia. Memperkenalkan Pek ageLOC® YOU-SPAN, makanan tambahan anti-penuaan Nu Skin yang paling maju. Produk revolusioner ini bukan sahaja membantu memulihkan semula mekanisma pertahanan penuaan tetapi menggalakkan keremajaan anda - zaman dimana anda boleh menikmati kehidupan yang lebih aktif, bertenaga, dan sihat.*

10 FAEDAH SISTEMIK

- Kesihatan Sel
- Kesihatan Tulang
- Kesihatan Sendi
- Kesihatan Mata
- Kesihatan Metabolisma
- Kesihatan Kulit
- Kesihatan Fizikal
- Kesihatan Imun

SAINS EKSKLUSIF

Tubuh manusia dilengkapi dengan pertahanan semula jadi yang dikenali sebagai "Mekanisma Pertahanan Penuaan" (ADM) untuk melawan kesan penuaan. Dari masa ke semasa, faktor-faktor di sekeliling anda dan juga dalam diri anda boleh melemahkan pertahanan ini, menyebabkan anda terdedah kepada kesan penuaan dengan lebih cepat. Nu Skin mempunyai pemahaman yang unik bagaimana gen memberi kesan kepada ADM anda. Dengan pengetahuan berkenaan pemakanan unggul, anti-penuaan, dan penyelidikan ekspresi gen proprietari selama bertahun-tahun oleh pasukan saintis yang berpengalaman secara dalaman dengan memanfaatkan pangkalan data yang terdiri daripada jutaan data ekspresi gen yang terkumpul melebihi tempoh satu dekad, Nu Skin berada di barisan hadapan dalam inovasi saintifik, mencipta produk yang mensasarkan punca penuaan!

GABUNGAN RAMUAN UNIK

Pek ageLOC® YOU-SPAN mengandungi campuran bahan unik yang menyediakan manfaat meluas untuk semua orang tanpa mengira pengambilan makanan atau rejim makanan tambahan. Menggunakan penyelidikan proprietari gen Nu Skin dan maklumat saintifik anti-penuaan yang paling kukuh, pelbagai campuran bertenaga bahan-bahan anti-penuaan di seluruh dunia dipilih berdasarkan manfaat kesihatan yang unik dan keupayaan mereka untuk memberi kesan positif terhadap ekspresi gen yang berkaitan dengan ADM anda. Gabungan ramuan dalam Pek ageLOC® YOU-SPAN adalah begitu unik, sehingga ia tidak sedia ada, walaupun daripada diet yang sihat!



MANFAAT KESIHATAN SISTEMIK

Pek ageLOC® YOU-SPAN menyampaikan perlindungan keseluruhan anti-penuaan. Ia mempengaruhi pelbagai mekanisma pertahanan penuaan untuk menyediakan manfaat kesihatan yang meluas, menggalakkan pelbagai fungsi dari hati, otak dan tulang anda hingga kepada tahap metabolisme anda.

Dalam era moden ini, semua orang mahu menjalani kehidupan muda dengan lebih lama, dan tidak ada yang mahu menjadi tua. Malah apabila anda menjadi tua, tiada siapa yang mahu berasa tua. Satu kebenaran yang pasti tentang keinginan yang tidak diucapkan yang hidup di dalam hati semua orang di seluruh dunia adalah keinginan untuk menjadi, kelihatan dan berasa lebih muda, lebih lama. Ulang tahun kelahiran tidak sepatahnya menentukan nilai anda. Dan usia? Angka itu juga seharusnya tidak menentukan gaya hidup anda! Kini dengan Pek ageLOC®YOU-SPAN, anda boleh terus menikmati zaman muda anda untuk terus melakukan apa yang anda suka di sepanjang hayat anda - memberikan anda kuasa untuk menentang usia anda!*

*Kenyataan ini belum dinilai oleh Food and Drug Administration. Produk ini tidak bertujuan untuk mendiagnosis, merawat, menyembuhkan atau mencegah sebarang penyakit.

MEMBERI YANG TERBAIK UNTUK MASA DEPAN

“Nu Skin ditubuhkan untuk memperbaiki kehidupan. Itu matlamat kami pada tahun 1984, dan ianya terus menjadi visi yang menggerakkan kami hari ini.” - Steven J. Lund, Pengurus Eksekutif Lembaga, Pengarah Eksekutif Nourish the Children

Menerusi industri jualan langsung dengan teknologi anti-penuaan yang canggih, Nu Skin menyediakan peluang kepada semua untuk hidup lebih muda, lebih lama; memberikan anda peluang untuk menjalani kehidupan yang lebih baik. Oleh itu, apabila ianya berkenaan dengan menjalani kehidupan berkualiti, Nu Skin tidak pernah mengecewakan anda dengan rangkaian produk inovatifnya. Tetapi apa yang menyentuh hati ramai orang adalah usaha Nu Skin dalam berpegang kepada janjinya untuk membawa perubahan kepada dunia melalui budaya Force for Good yang memperkaya dan menaikkan semangat.

Bagi Nu Skin Malaysia, sepanjang 15 tahun sejak penubuhannya di Malaysia, mereka telah sentiasa mencuba yang terbaik untuk menegakkan budaya FFG ini. Samada ianya usaha mereka untuk membantu kanak-kanak kurang bernasib baik dari komuniti P.S. The Children and the New Covenant di Sentul pada awal penubuhannya, atau perkongsian mantap dengan Yayasan Institut Jantung Negara (IJN), Nu Skin Malaysia tidak pernah gagal untuk kekal berpegang kepada matlamat mereka untuk memperbaiki kehidupan kanak-kanak yang memerlukan.

Lanjutan daripada kerjasama dengan Yayasan IJN (bermula pada 2008) yang membantu kanak-kanak dilahirkan dengan penyakit jantung kongenital menerusi pembiayaan daripada Southeast Asia Children's Heart Fund (SEA CHF), Nu Skin (SEA CHF), Nu Skin Malaysia juga telah mencipta kelainan apabila mereka memulakan projek Wish List pada tahun 2011 di Kuala Lumpur yang kemudian telah dikembangkan ke Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuching. Usaha yang tidak mementingkan diri sendiri ini bertujuan membawa senyuman kepada kanak-kanak daripada keluarga miskin apabila Nu Skin Malaysia memenuhi keinginan mereka setiap kali perayaan Krismas pada bulan Disember setiap tahun.

Dengan pertambahan bilangan nyawa yang diselamatkan tahun demi tahun dan keinginan terkumpul melalui projek Wish List, Nu Skin Malaysia berterusan meningkatkan aktiviti amal dengan sentiasa mencari cara baru untuk memastikan sumbangan mereka sampai kepada mereka yang memerlukan.



Walaupun ianya mungkin kelihatan seperti Nu Skin Malaysia sudah berada dalam keadaan mapan untuk mengukuhkan budaya Force For Good, tetapi realitinya, mereka masih sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan mereka untuk meneroka lebih jauh ke arah ini, menetapkan matlamat untuk memperbaiki kehidupan lebih ramai orang, secara khususnya bersungguh-sungguh untuk melabur dalam masa depan: untuk anak-anak kita.

Perjalanan Nu Skin Malaysia untuk memperbaiki kehidupan akhirnya mencapai satu lagi peristiwa penting dalam bulan Jun 2015, dimana mereka telah bekerjasama secara rasmi bersama satu lagi rakan rongsi bagi SEA CHF, iaitu dengan Gleneagles A-Heart-for-A-Heart Charity Programme.

Bermula sejak tahun 1996, Gleneagles A-Heart-for-A-Heart Charity Programme adalah satu program yang bertujuan untuk membantu keluarga yang mempunyai masalah kewangan untuk menjalani pembedahan pembetulan jantung untuk kanak-kanak yang dilahirkan dengan penyakit jantung kongenital. Memandangkan objektif program ini adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat korporat dan NGO untuk menghulurkan bantuan, ianya sesuai dan selari dengan budaya Force For Good Nu Skin.

Kerjasama di antara Nu Skin Malaysia dan Gleneagles A-Heart-for-A-Heart Charity Programme menandakan satu lembaran baru dalam sejarah Nu Skin Malaysia dan harapan baru bagi masyarakat kerana lebih ramai kanak-kanak diberi peluang untuk mempunyai masa depan yang lebih baik dengan kesihatan yang lebih baik.

Nu Skin Malaysia bersama dengan Yayasan IJN dan Gleneagles A-Heart-for-A-Heart Charity Programme akan terus menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan dan membantu untuk mengubah masa depan mereka dengan kesihatan yang lebih baik. Sepertimana dinyatakan dalam pernyataan visi, Nu Skin akan menjadi satu daya untuk kebaikan di seluruh dunia, dan dalam hal ini, mereka memperkasakan generasi akan datang dengan memberi kanak-kanak peluang untuk hidup dengan tahap kesihatan yang lebih baik.

SNAPSHOTS

▼SUCCESS CELEBRATION

7 Oktober 2016
Parkroyal Hotel KL



▼GO STAR CAMP

20 & 21 Oktober 2016
Empire Hotel Subang



▼ageLOC YOU-SPAN PACK LAUNCH WORKSHOP

11 November 2016
Pullman Kuala Lumpur City Centre Hotel & Residences



▼GOAL SETTING FORUM

8 Disember 2016
Doubletree by Hilton KL





NU SKIN[®]

DISCOVER THE BEST YOU™

www.nuskin.com.my